

FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)
GERAN SOKONGAN SEKTOR KEBUDAYAAN (GSSK)
TAHUN 2026
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA (MOTAC)

1. Siapakah yang layak memohon Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2026 MOTAC?
 - Berikut merupakan entiti yang layak memohon Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2026 MOTAC:
 - i. NGO/Persatuan seni, budaya dan warisan yang berdaftar dan masih aktif di bawah Akta Pertubuhan 1966;
 - ii. Pertubuhan Bukan Berasaskan Keuntungan (NPO) seni, budaya dan warisan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966;
 - iii. Koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 (Objektif penubuhan Koperasi perlu mengandungi elemen seni, budaya dan warisan);
 - iv. Syarikat Swasta (Perlembagaan Syarikat mengandungi elemen seni, budaya dan warisan); dan
 - v. Lain-lain entiti berdaftar dengan kerajaan dan diperaku oleh MOTAC.
2. Apakah bentuk program dan acara yang boleh dilaksanakan di bawah Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2026 MOTAC?
 - Program dan acara yang boleh dilaksanakan adalah di bawah bidang seni, budaya dan warisan seperti berikut:
 - i) Pameran/Ekspo;
 - ii) Festival/Karnival/Pesta;
 - iii) Pementasan/Persembahan;
 - iv) Pertandingan;
 - v) Persidangan/Seminar/Bengkel/Simposium/Kolokium; dan
 - vi) Program-program lain seumpamanya yang diperaku oleh MOTAC.
3. Berapakah nilai maksimum bantuan kewangan yang boleh dimohon di bawah Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2026 MOTAC?
 - Jumlah nilai maksimum Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2026 MOTAC yang boleh dipertimbangkan adalah sebanyak **RM300,000.00 (TIGA RATUS RIBU RINGGIT SAHAJA)** bagi melaksanakan program dalam **tempoh satu (1) tahun semasa**.
 - Pertimbangan dan kelulusan terhad kepada **dua (2) permohonan dengan jumlah bantuan kewangan maksimum RM300,000.00 setahun. Konsep dan pengisian setiap permohonan mestilah berbeza**.
 - Bantuan kewangan bertujuan untuk menyokong sebahagian daripada kos keseluruhan penganjuran program (mengikut kewajaran).

- Bagi permohonan yang telah diluluskan, sebarang perubahan pada syarat dan terma termasuk **tarikh, lokasi, skala dan konsep program/aktiviti/acara** adalah **TIDAK DIBENARKAN** tanpa kelulusan MOTAC. Jika terdapat perubahan, pemohon hendaklah membuat permohonan secara bertulis dan e-mel di alamat gssk@motac.gov.my Sekiranya dilaksanakan tanpa kelulusan maka baki penyaluran kedua tidak akan disalurkan.
4. Bilakah tempoh permohonan Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2026 MOTAC dan tempoh pelaksanaan program/aktiviti/acara di bawah GSSK Tahun 2026?

BIL.	PERKARA	TARIKH PEMBUKAAN
1.	Fasa pembukaan PERTAMA	12 Jan 2026 – 31 Mac 2026
2.	Fasa pembukaan KEDUA	02 Jun 2026 – 28 Ogos 2026 (sehingga tertakluk kepada kedudukan peruntukan semasa)

- Penganjuran program/aktiviti/acara **01 Februari 2026 hingga 31 Disember 2026.**
 - Pelaksanaan program selepas 31 Disember 2026 adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Permohonan bagi penganjuran program/aktiviti/acara yang **SEDANG BERLANGSUNG ATAU TELAH TAMAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
 - Pelaksanaan program tertakluk kepada pengeluaran Surat Setuju Terima (SST). Program/aktiviti/acara tidak dibenarkan diadakan/berlangsung selagi SST belum dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC).
 - Keutamaan kepada program/aktiviti/acara berimpak tinggi dan kehadiran pelawat asing dan menyokong VM2026.
5. Bagaimanakah kaedah kadar penyaluran bantuan kewangan Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2026 setelah permohonan diluluskan?
- Kadar penyaluran bagi permohonan yang telah diluluskan adalah seperti berikut:

KELULUSAN	PENYALURAN (Peratusan daripada jumlah kelulusan keseluruhan)	
	PERTAMA	KEDUA
RM100 ribu dan ke bawah	60%	40%
Melebihi RM100 ribu	40%	60%

Nota: Penyaluran kedua tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat dan laporan lengkap pelaksanaan program/aktiviti/acara dikemukakan.

6. Bagaimana kaedah bagi mengemukakan permohonan Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2026 MOTAC?

- Layari laman sesawang <https://www.motac.gov.my>
- Kertas cadangan **DIWAJIBKAN** dalam **BAHASA MELAYU**. Permohonan hendaklah dimohon secara dalam talian (*online*) melalui pautan <https://e-insentif.motac.gov.my/> dan satu salinan bercetak (*hardcopy*) permohonan perlu dihantar selewat-lewatnya dalam tempoh (10) hari ke alamat berikut:

Urus Setia Geran Sokongan Sektor Kebudayaan
Bahagian Dasar Kebudayaan
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Aras 4, No.2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya.
Tel : 03-8891 7372/7094/7537/7592
Talian utama/ Hotline : 018 - 3851 871
E-mel: gssk@motac.gov.my

7. Apakah yang dimaksudkan Surat Turun Kuasa?

- Pemohon perlu mengemukakan **Surat Turun Kuasa (*letterhead* persatuan/syarikat)** kepada kakitangan/ahli yang dilantik mewakili bagi memohon Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2026.

8. Apakah yang dimaksudkan dengan eVENDOR?

- Inisiatif Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) untuk memudahkan pendaftaran vendor yang berurusan dengan Kerajaan Malaysia. Sistem pendaftaran untuk pembekal dan individu yang berurusan dengan Kerajaan ini boleh dilayari di <https://evendor.anm.gov.my/>

9. Sekiranya program/aktiviti/acara yang telah diluluskan di bawah Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2026 tidak dapat dilaksanakan atau dibatalkan oleh pemohon, adakah pemohon/ penganjur perlu mengembalikan bantuan kewangan yang telah disalurkan?

- Ya, sekiranya program tersebut dibatalkan oleh pemohon, bantuan yang telah disalurkan **WAJIB dipulangkan sebagaimana jumlah asal yang telah disalurkan kepada MOTAC dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan notis pemakluman secara bertulis oleh pemohon. Pemohonan hendaklah mengemukakan surat rasmi kepada pihak urus setia berhubung pemakluman pembatalan program/aktiviti/acara. Nombor akaun khas akan dikemukakan kepada pihak pemohon secara rasmi untuk memulangkan baki dan seterusnya pemohon hendaklah mengemukakan bukti pemulangan bantuan tersebut kepada pihak MOTAC. Penganjur perlu mematuhi tatacara pemulangan semula bantuan kewangan.**

- MOTAC berhak untuk mengambil **tindakan undang-undang sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap ketetapan dan syarat sebagaimana dinyatakan dalam Surat Setuju Terima (SST) yang telah ditandatangani.**
10. Bagaimanakah kaedah semakan status keputusan permohonan Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2026?
- Semakan status keputusan permohonan boleh disemak melalui **pautan <https://e-insentif.motac.gov.my/>** dengan memasukkan **nombor ID permohonan GSSK (Contoh: GSSK1234/2026).**
11. Adakah program dan acara yang akan dianjurkan di luar negara layak memohon Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2026 MOTAC?
- Tidak, hanya penganjuran program dan acara di Malaysia sahaja yang layak memohon.
12. Adakah bantuan kewangan bagi tujuan kebajikan atau pentadbiran (contoh: perbelanjaan tiket penerbangan, pembelian aset dan penginapan) layak memohon Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2026 MOTAC?
- Tidak, **hanya kos produksi penganjuran program/acara/aktiviti sahaja yang layak dipertimbangkan** di bawah Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) Tahun 2026. Tiket penerbangan, pembelian aset dan penginapan tidak ditanggung bawah GSSK.